



Praktis Ekstra Bab 1

1. Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** dan (X) pada yang **salah** tentang takrif kedaulatan.

- (a) Mengikut bahasa Inggeris, kedaulatan ialah *supernuus* atau *superanus* yang bermaksud agung atau tertinggi. ☐
- (b) Perkataan *sovereignty* dalam bahasa Yunani bermaksud negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan. ☐
- (c) Perkataan *daulah* dalam bahasa Arab bermaksud kuasa mutlak yang dimiliki oleh seseorang pemerintah dalam sesebuah kerajaan. ☐
- (d) Perkataan *daulat* dalam bahasa Melayu bermaksud kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara. ☐
- (e) Kedaulatan merupakan kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara merdeka untuk menjalankan pemerintahan serta melaksanakan undang-undang. ☐

2. Berdasarkan huraian berikut, nyatakan jenis kedaulatan yang betul.

- (a) Dikaitkan dengan idea kemunculan negara bangsa moden. Berlaku selepas Revolusi Keagungan di England dan Revolusi Perancis. Dikaitkan dengan hak rakyat dan kerajaan berperlembagaan.

- (b) Bermaksud kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi. Menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat.

- (c) Merujuk pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap sesebuah negara. Tidak boleh dicabuli oleh negara lain.

- (d) Merujuk sistem pemerintahan berkuasa mutlak yang menguasai sepenuhnya segala urusan negara. Wujud sejak tamadun awal manusia.

3. Gariskan jawapan yang betul.

- (a) Kedaulatan memberikan (kebebasan / kawalan) kepada negara menjalankan urusan pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar.
- (b) Sistem pentadbiran di negara kita diperkukuh melalui peruntukan undang-undang dalam Perlembagaan (Demokrasi / Persekutuan).
- (c) Kedaulatan penting untuk negara melaksanakan dasar sosial demi (kekayaan / kesejahteraan) rakyat.
- (d) Dasar berkaitan dengan bahasa kebangsaan, kebudayaan, sukan dan Rukun Negara diperkenalkan untuk memupuk perasaan muhibah dan (perkauman / perpaduan).
- (e) Kedaulatan memberikan hak kepada negara menjalinkan hubungan dengan negara lain melalui penggubalan dasar (luar negara / antarabangsa).
- (f) Keanggotaan Malaysia dalam pertubuhan (serantau / tempatan) dan antarabangsa meningkatkan imej negara dan kedudukan negara kita setaraf dengan negara lain di dunia.

4. Tandakan (✓) pada peranan yang betul.

Peranan	Pemerintah	Rakyat
(a) Menyokong segala usaha dan dasar kerajaan bagi mewujudkan kestabilan politik.		
(b) Mewujudkan pentadbiran yang cekap dan mengelakkan amalan rasuah dalam pentadbiran.		
(c) Melibatkan diri dalam program kemasyarakatan bagi memupuk kerjasama kaum.		
(d) Memastikan agihan sumber kekayaan negara secara adil untuk semua kaum melalui dasar pembangunan ekonomi.		
(e) Menggubal dasar dan undang-undang berkaitan dengan perpaduan kaum dan integrasi nasional.		
(f) Mengamalkan semangat kerjasama, perkongsian, bertoleransi dan saling menghormati.		
(g) Memupuk kerjasama dengan semua kaum supaya agihan kekayaan negara dapat dinikmati bersama.		
(h) Menganjurkan sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Pahlawan untuk menimbulkan rasa cinta terhadap negara.		